

25 NOV 1999

KELUARGA CALON PAS SEDIA BERCERAMAH UNTUK RAFIDAH

KUALA KANGSAR, 25 Nov (Bernama) -- Calon PAS Asmuni Awi bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar menerima tentangan daripada abangnya sendiri yang kini mahu membantu kempen calon Barisan Nasional Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mat Aswadi dalam suratnya yang dikirimkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Rafidah, berkata beliau sekeluarga terkejut apabila mengetahui Asmuni menjadi calon PAS.

Rafidah yang menerima surat itu semalam memberikan salinannya kepada Bernama selepas mengadakan perjumpaan dengan masyarakat India dan Sikh di sini malam tadi.

Surat Mat Swadi yang merupakan pengerusi Jawatankuasa Perancangan dan Strategi Persatuan Bawean Malaysia (PBM), dikepilkan bersama ikrar yang dibuat oleh persatuan itu kepada Dr Mahathir untuk menyokong BN.

"Saya sekeluarga sedia dipanggil untuk berceramah dengan pasukan saudara di hadapan ribuan pendengar untuk memusnahkan PAS di Parlimen Kuala Kangsar pada bila-bila masa sekiranya diperlukan," katanya dalam surat itu.

Dalam surat ikrar yang turut ditandatangani presiden PBM Dr Othman Mahwan itu, PBM berikrar memastikan kira-kira 500,000 orang Bawean di seluruh negara menyokong kerajaan BN.

-- BERNAMA

HJ RON